



Bersama **FIRKHAN**  
sembangict@yahoo.com

## Gaya keselamatan siber 2017

**A**PAKAH gaya keselamatan siber yang perlu diberi perhatian dalam dunia teknologi maklumat pada tahun 2017?

**AMEEN, Batu Pahat.**

Lazimnya seperti biasa, perkara ini perlu diketahui berkenaan penggunaan dan perkembangan teknologi dalam dunia pengkomputeran. Pengetahuan berkenaan perkara ini dapat membantu siap siaga pertahanan keselamatan siber bagi sesebuah organisasi. Seterusnya dibincangkan beberapa gaya keselamatan siber yang perlu diberi perhatian pada tahun 2017

**1** Satu gaya bukan teknikal yang sentiasa perlu diberi perhatian pada setiap masa seiring dan sesuai dengan perkembangan teknologi pengkomputeran adalah polisi, prosedur dan panduan keselamatan siber atau teknologi maklumat.

**2** Pendekatan dalam menangani keselamatan siber perlu berubah daripada bertahan kepada yang lebih proaktif sesuai dengan kedinamikan teknik serangan siber pada masa kini.

**3** Pendidikan keselamatan siber untuk pengguna juga sangat penting agar selari dan sesuai dengan isu keselamatan terkini.

**4** Dapatkan alat analisis trafik rangkaian yang mampu dimiliki dan pintar dalam menunjukkan rangkaian yang dikompromi dan diserang.

**5** Penyediaan prasarana atau pelantar keselamatan siber yang berupaya memahami risikan ancaman keselamatan siber dengan sistem analisis dan laporan yang tepat dan pantas.

**6** Pencegahan serangan siber lebih mudah dengan adanya utiliti yang berupaya menguatkan keselamatan sistem pengoperasian komputer secara automatik.

**7** Penggunaan alat rangkaian khas dalam melaksanakan segmentasi dan pemencilan rangkaian secara pintar yang berupaya membuat halangan kepada mana-mana aktiviti penggodam dalam mencapai sasarannya.

**8** Penggunaan program pengurusan keselamatan alatan komputer mudah alih sangat membantu dalam mengurus keselamatan gaya capaian mudah alih dunia siber hari ini.



**9** Alat, program, sistem atau aplikasi pengurusan identiti secara pintar sangat diperlukan dalam persekitaran siber terutama dalam mengurus keselamatan siber yang dicapai secara mudah alih oleh pengguna dan alat yang digunakan oleh pengguna tersebut.

**10** Satu teknik pengkomputeran terkini dikenali sebagai pembelajaran mesin (*machine learning*) sangat membantu dalam keselamatan siber terutama dalam menganalisis muatan fail dalam masa nyata untuk mencegah serangan *Ransomware*.

Sekali lagi, kesemua ini bergantung kepada ekosistem dan persekitaran prasarana teknologi maklumat bagi sesebuah organisasi.



**BERMULA**  
minggu depan  
ruangan ini akan  
disiarkan setiap  
Selasa.